Headline	Aiman tidak bimbang kepenatan melampau		
MediaTitle	Kosmo		
Date	07 Aug 2017	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Sukan	Page No	60
ArticleSize	271 cm²	Journalist	N/A
PR Value	RM 21,180		

Aiman tidak bimbang kepenatan melampau

PENYERANG skuad hoki negara, Nik Muhammad Aiman Nik Rozemi tidak gusar dengan faktor kepenatan melampau ekoran bermain semua kejohanan dan menyertai siri-siri jelajah sejak diserapkan ke dalam pasukan senior awal tahun lalu.

Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) yang bakal bermula pertengahan bulan ini menjadi pertandingan antarabangsa yang ke-10 buat Aiman, 21, sejak menyarung jersi negara buat kali pertama pada Piala Sultan Azlan Shah (PSAS), April tahun lepas.

Begitupun, penyerang Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu menjelaskan, dia sama sekali tidak mengalami kepenatan melampau, sebaliknya sentiasa bersemangat untuk mencurahkan keringat bagi membanggakan negara setiap kali terpilih menyertai mana-mana kejohanan.

"Saya tiada masalah kerana semua kejohanan yang saya sertai sejak bermain dengan pasukan senior merupakan fasa pembelajaran dan peluang untuk menimba pengalaman.

"Saya mahu menjadi seperti pemain-pemain senior dan pada masa sama, semua pengalaman ini akan membolehkan permainan saya lebih maju ke hadapan," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di Hotel Renaissance Kuala Lumpur semalam.

Aiman membuat kemunculan dalam PSAS di Ipoh, Perak (April), Liga Hoki Australia di Perth (September), Trofi Juara-Juara Asia di Kuantan, Pahang (Oktober) dan Kejohanan Jemputan Empat Penjuru di Melbourne, Australia pada November tahun lepas.

Selain siri-siri jelajah dan kejohanan bersama pasukan senior, khidmat anak jati Terengganu itu turut diperlukan bersama skuad remaja menghadapi Piala Sultan Johor di Johor Bahru (September) dan Piala Dunia Remaja di Lucknow, India pada Disember tahun lalu.

Dia sekali lagi diberikan kepercayaan untuk bermain pada semua kejohanan setakat tahun ini iaitu Pusingan Kedua Liga Hoki Dunia (WHL) di Dhaka, Bangladesh (Mac), PSAS di Ipoh (April) dan Separuh Akhir WHL di London pada Jun.

Ternyata kehadiran Aiman yang merupakan pemain paling muda dalam skuad negara, berjaya membantu pasukan dengan jolokan nama *Malaysian Tigers* itu meraih tempat keempat di London, sekali gus layak ke Piala Dunia 2018 di Bhubaneswar, India.

Skuad negara akan memulakan misi memburu pingat emas buat kali ke-16 pada KL2017 di Stadium Hoki Nasional, Bukit Jalil dari 21 hingga 29 Ogos ini.

AIMAN mahu menyasarkan dua gol dalam setiap perlawanan pada KL2017 bagi membantu skuad negara meraih emas.

Powered by: iSENTIA